

**D.R. 23/2012**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 3**

2. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [*Akta 301*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan subseksyen 3(3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Menteri boleh memberi kepada mana-mana orang suatu lesen bagi menyimpan mesin cetak untuk digunakan atau menggunakan mesin cetak dan dia boleh menolak mana-mana permohonan untuk mendapatkan lesen sedemikian atau boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menggantung lesen itu selama apa-apa tempoh yang difikirkannya wajar.”.

**Pindaan seksyen 6**

3. Subseksyen 6(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “menurut budi bicaranya yang mutlak”.

**Penggantian seksyen 12**

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 12 dengan seksyen yang berikut:

**“Kesahan lesen dan permit**

12. Suatu lesen atau permit yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang diendorskan dalam lesen atau permit itu dan hendaklah kekal sah selagi lesen atau permit itu tidak dibatalkan.”.

**Pindaan seksyen 13A**

5. Subseksyen 13A(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “dan tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan pun”.

**Penggantian seksyen 13B**

6. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 13B dengan seksyen yang berikut:

**“Hak untuk didengar**

13B. Seseorang yang diberikan suatu lesen atau permit di bawah Akta ini hendaklah diberi suatu peluang untuk didengar sebelum suatu keputusan untuk membatalkan atau menggantung lesen atau permit itu dibuat di bawah subseksyen 3(3), 6(2) atau 13(1), mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

**Peruntukan kecualian**

7. Suatu lesen atau permit yang telah diberikan dan sah pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah kekal sah selagi lesen atau permit itu tidak dibatalkan, walau apa pun tarikh habis tempoh lesen atau permit itu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (“Akta 301”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 3(3) Akta 301 untuk meniadakan sebutan mengenai kuasa “budi bicaranya” bagi Menteri dalam memberikan atau enggan memberikan suatu lesen mesin cetak. Pindaan ini juga bertujuan untuk meniadakan kuasa Menteri untuk menetapkan dalam lesen itu tempoh kesahan bagi lesen itu. Pindaan ini selaras dengan pindaan yang dibuat dalam *fasal 4*.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 6(1) Akta 301 untuk meniadakan sebutan mengenai kuasa “budi bicaranya yang mutlak” bagi Menteri dalam memberi seseorang suatu permit untuk mencetak atau menerbitkan suatu akhbar di Malaysia atau dalam memberi tuan punya mana-mana akhbar di Singapura suatu permit yang membenarkan akhbar itu diimport, dijual, dikelilingkan atau diedarkan di Malaysia.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 301 untuk meniadakan tempoh kesahan bagi suatu lesen atau permit dan untuk membenarkan lesen atau permit itu kekal sah selagi lesen atau permit itu tidak dibatalkan.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 13A(1) Akta 301 untuk meniadakan larangan semakan kehakiman ke atas keputusan Menteri untuk memberikan, enggan memberikan, membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit di bawah Akta 301.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 13B Akta 301 untuk memberi seseorang peluang untuk didengar sebelum suatu keputusan untuk membatalkan atau menggantung lesen atau permit itu dibuat di bawah subseksyen 3(3), 6(2) atau 13(1), mengikut mana-mana yang berkenaan.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.